
Lawrence dari Arabia
Life Books
Kisah benar mengenai perihal hidup dan meninggal dunia dengan bermaruah.

Adakah cara kita meninggal dunia penting?

Adakah saat-saat terakhir hidup kita mempunyai makna?



Nama saya Michael Lewis. Saya bekerja sebagai seorang pembantu terapi di hospis jagaan harian.

Tugas saya ialah membantu pesakit memanfaatkan sesi fisioterapi mereka dengan sepenuhnya untuk menguatkan diri mereka dan membantu mereka dari segi fizikal dan emosi melalui penjagaan paliatif.

Saya mula berkhidmat sebagai sukarelawan di hospis ini pada 2011. Saya kemudiannya menjadi kakitangan hospis ini pada 2015. Selama saya berkhidmat di sini, saya menyaksikan dengan dekat detik-detik ajal menjemput nyawa.

Pesakit yang datang ke hospis ini telah menerima ketentuan bahawa penyakit mereka tidak boleh diubati lagi. Saya pernah ditanya, berbaloikah menghabiskan masa dan tenaga untuk merawat pesakit yang tiada lagi harapan untuk hidup.

Saya sentiasa memberikan jawapan yang sama, iaitu pengalamannya tidak ternilai.

Pesakit perlu tahu bahawa setiap detik kehidupan mereka penting. Oleh itu saya ingin memastikan bahawa mereka boleh menjalani kehidupan yang bermakna sehingga ke akhir hayat mereka melalui penjagaan paliatif.

Saya ingin menceritakan satu kisah benar yang boleh membantu anda memahami kenapa ia penting.



Saya mengingatinya seperti kisah ini baru sahaja berlaku semalam.

Pada suatu petang yang cerah dalam bulan Jun tahun 2015, hospis kami menerima kedatangan Encik Lee. Encik Lee menghidap kanser otak peringkat akhir.

Dia seorang yang tinggi dan kacak. Dia juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Kewangan di sebuah syarikat ternama.  Namun penyakitnya telah meninggalkan kesan pada dirinya.

Tubuhnya yang tinggi lampai kini hanya tinggal kulit dan tulang. Mindanya yang dahulu cerdas tidak lagi mampu bertindak balas kepada rangsangan, biarpun yang paling asas.

Encik Lee ditemani oleh isterinya yang setia,
bersama dua orang anak perempuan dan suami mereka. Saya dapat melihat kelukaan yang terpancar dari mata mereka.  Saya dapat membayangkan bahawa dia seorang suami dan bapa yang tegas tetapi penyayang. Seorang bapa yang sebelum ini gagah tetapi kini tidak seperti dahulu.



Saya mengenali keluarga Lee dengan lebih rapat pada hari-hari yang berikutnya.

Puan Lee sentiasa berada di sisi suaminya setiap pagi dan malam sambil menggenggam tangannya yang tidak responsif dan mencari-cari tanda-tanda emosi pada wajahnya; serta ciri-ciri lelaki yang berkongsi hidup bersamanya lebih empat puluh tahun.

Biasanya, anak-anaknya akan datang melawat pada waktu malam selepas kerja. Mereka akan bertanya kepada ibu mereka: Adakah bapa tidur dengan nyenyak? Adakah bapa makan apa-apa? Adakah bapa mengenali ibu? Sepanjang waktu itu, mata Encik Lee tidak menunjukkan sebarang emosi. Mulutnya kekal berkerut. Adakah hanya jasadnya yang tinggal?

Kami merasakan seperti dia sudah tiada lagi.

Sambil Encik Lee menjalani rawatan fisioterapi, saya akan berbual dengan Puan Lee.



Puan Lee memberitahu saya bahawa Encik Lee sangat gemar bermain ping pong.  Dia juga amat menggemari makan roti bakar disapu mentega dengan gula.

Setiap kali acara syarikat diadakan, dialah yang memeriahkan suasana. Kawan-kawan rapat menggelarnya “Lawrence dari Arabia”. Dia kerap juga menyarung kostum watak bersejarah itu.



Hati kecil saya terdorong untuk berinteraksi dengan Encik Lee. Saya mula berborak dengan dia sambil saya menjalani tugas saya.

“Encik Lee, nak main ping pong sekali lagi tak?”

Namun celoteh saya tidak menghasilkan apa-apa reaksi.

“Encik Lee, nak makan roti bakar mentega dengan saya?”

“Encik Lee, boleh ceritakan kepada saya tentang parti syarikat kamu?”

Tetapi suatu hari pada minggu itu, saya tiba-tiba terasa ingin melakukan sesuatu.

Saya melangkah masuk ke dalam bilik Encik Lee, memandang tepat pada matanya, dan berkata,

"Hei, Lawrence dari Arabia!"



Saya merasakan bagai degupan jantung saya terhenti seketika apabila mata Encik Lee berkelip memberi reaksi. Matanya semakin bersinar dan membulat. Bibirnya mula mengukir senyuman kecil. Dia seperti memanggil saya agar mendekatinya, dan semakin saya menghampirinya, dia berusaha untuk membaca nama pada baju seragam saya. Saya pun memperkenalkan diri saya kepadanya. Dia mengangguk sedikit.



Selepas hari itu, bagaikan ada perubahan dalam diri Encik Lee. Dia akan menoleh ke arah saya apabila saya memasuki biliknya. Atau semasa anak-anaknya datang melawat. Ketika dia menggenggam tangan saya semasa saya mengangkatnya untuk sesi fisioterapi, bagai ada semangat baharu yang mengalir dari tangannya. Dia kini membalas soalan daripada isterinya dengan senyuman. Puan Lee menitiskan air mata.

Encik Lee telah kembali.



Namun Encik Lee meninggalkan kami tidak lama selepas itu. Kanser otak ibarat musuh yang menyerang tanpa undur. Namun apa yang paling diingati oleh isteri dan anak-anaknya bukanlah kesakitan yang dialami atau malam tanpa tidur.

Mereka terkenangkan minggu di mana Encik Lee kembali ke dunia nyata setelah tenggelam di dalam dunianya sendiri. Mereka mengingati kembali detik-detik yang walaupun sejenak, ketika suami dan bapa mereka yang penyayang mengenali mereka dan membalas curahan kasih sayang mereka.

Inilah kali pertama saya menyedari keberkesanan penjagaan paliatif. Ia mengajar saya tidak kira betapa sukarnya hari ini, esok adalah hari yang baharu.

Saya sentiasa terkenangkan Encik Lee.

Kanser otak telah meragut tubuh dan mindanya, tetapi ia tidak boleh merampas maruahnya.

Dia telah kembali hidup sebelum ajal menjemputnya.



**Kenapa memilih penjagaan paliatif?**

Selain daripada ahli terapi seperti Michael, penjagaan paliatif disediakan oleh pasukan pelbagai disiplin yang terdiri daripada para doktor, jururawat, pekerja sosial, kaunselor, dan sukarelawan terlatih. Mereka memberi keselesaan serta sokongan kepada pesakit dan ahli-ahli keluarga mereka melalui penjagaan dari segi fizikal, psikologi, sosial, dan kerohanian.

Pesakit memilih penjagaan paliatif untuk memberi tumpuan kepada kualiti hidup walaupun untuk waktu yang singkat. Ia bukan bermakna mereka pasrah dengan takdir. Perkhidmatan penjagaan paliatif yang disediakan adalah penjagaan di rumah, jagaan harian, jagaan pesakit di hospital, dan perkhidmatan perunding.

Jika kita ingin menghabiskan hari-hari terakhir kita dengan bermaruah dan mengurangkan kesakitan yang bakal dialami, kita mesti membuat perancangan awal dan menyampaikan keputusan ketika badan dan minda masih sihat.



## Berikut adalah 3 langkah awal:

### Berbincang

Mulakan perbincangan tentang penjagaan akhir hayat dengan orang tersayang.



### Merancang

Ketahui dengan lebih lanjut tentang pilihan dalam penjagaan paliatif dan kemudahan perancangan yang tersedia dan sesuai untuk anda di www.singaporehospice.org.sg.



### Bertindak

Beritahu mereka yang paling rapat dengan anda tentang pilihan anda dan buatlah perancangan anda hari ini.



**Untuk maklumat lanjut:**

Majlis Hospis Singapura
1 Lor 2 Toa Payoh #07-00, Braddell House
Singapore 319 637

Tel: 6538 2231
Emel: secretariat@singaporehospice.org.sg
Laman web: www.singaporehospice.org.sg

Live Well Leave Well

Dibawakan kepada anda oleh:
SINGAPORE HOSPICE COUNCIL

Hidup dalam Kesejahteraan, Pergi dalam Ketenangan

Hak Cipta © 2018 Singapore Hospice Council.
Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau apa jua cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.
ISBN (Kulit lembut): 9789811407642
ISBN (E-buku): 9789811407659
Dicipta oleh BLKJ. Ilustrasi oleh Tran Dac Trung.
Penghargaan istimewa ditujukan kepada para sukarelawan yang telah membantu merealisasikan penerbitan buku ini dan juga kepada para penyumbang dari Assisi Hospice.

Life Books